



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA


UiTM *di hatiku*

80th ISSUE
VID

UiTM Sarawak Bulletin

INFOKAMPUS

Feb 2021



116215

Info kampus Feb 2021 / UiTM Cawangan
Sarawak



UiTM
SARAWAK

pays courtesy visit to the
Chief Minister
of Sarawak

Courtesy Visit
Datuk Hj Abdul Karim
Rahman Hamzah

MOA

UiTM & STOMA SDN BHD

KAIB 2020

Soars to Greater Heights

innosTRE
First Hybrid Conference

Umum mengetahui bahawa kadar penyakit dan kematian bagi perokok pasif melebihi kadar penyakit dan kematian ke atas perokok aktif. Rentetan itu, Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) telah memperkenalkan Kempen Blue Ribbon untuk mengiktiraf individu mahupun organisasi yang telah berusaha melindungi orang awam daripada bahaya asap rokok melalui usaha advokasi ke arah mewujudkan 100% kawasan bebas asap rokok.

Dalam merealisasikan impian kampus bebas 100% asap rokok, beberapa program tahunan telah dirancang dalam usaha mewujudkan kesedaran akan bahaya asap rokok pasif serta hak warga kampus untuk menghirup udara bersih. Antara program yang dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun 2021 adalah Fun Run, Virtual Run, Pertandingan Mereka Poster Digital, Pemeriksaan dan Pameran Kesihatan, Ceramah sempena Hari Dunia Tanpa Tembakau dan Pemeriksaan berkala di seluruh kampus. Kempen ini diketuai oleh Unit Kerjaya dan Kaunseling, dibantu oleh beberapa unit yang lain di bawah jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Kempen ini telah dilancarkan di peringkat kampus Mukah pada 1 Disember 2020 yang lalu dengan dihadiri oleh seramai lebih dari 100 orang dan dirasmikan oleh Penolong Rektor Kampus Mukah, Dr. Khadijah Khalid. Antara pengisian yang turut diselitkan semasa majlis pelancaran adalah Ceramah Bebas Asap Rokok Pasif, yang telah disampaikan secara Webinar oleh Dr. Mohd Khairul Jambli, doktor perubatan dari UiTM Kampus Samarahan, edaran Polisi Bebas Asap Tembakau di seluruh jabatan di kampus Mukah serta gimik pembakaran replika rokok.

"THE BLUE RIBBON CAMPAIGN"

Ceramah Bebas Asap Rokok Pasif

Pengarang:
Syamimi Liana



UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah melalui Unit Sukan telah menganjurkan Bengkel Asas Sukan Tennis 1.0 pada 21 November 2020. Bengkel ini diadakan dengan tujuan memberi pendedahan mengenai asas sukan tenis kepada staf dan pelajar, mempromosikan budaya hidup sihat serta yang paling penting adalah mengeratkan silaturrahim di kalangan staf dan pelajar. Di samping itu, bengkel tenis ini turut diadakan bagi meneruskan tema UiTM Prihatin yang berfokuskan intangible outcome kepada pelajar Pra Diploma di mana UiTM Kampus Mukah merupakan kampus tunjang bagi Program Pra Diploma Perdagangan.

Bengkel ini bermula pada sebelah pagi dengan penerangan dari Encik Ghazie tentang perihal tenis seperti peralatan tenis itu sendiri, sejarah dan teori permainan tenis, cara memegang raket tenis seperti Continental Grip, Western Grip dan Eastern Grip, teknik bermain tenis seperti forehand, backhand dan serve dan peraturan permainan tenis. Peserta juga ditunjukkan dengan beberapa video bagaimana pemain tenis bermain secara single dan double. Dalam masa yang sama, Cik Nurul Ain turut memberi taklimat berkenaan Blue Ribbon Campaign yang mana pengiktirafannya cuba dicapai oleh kampus ini sebagai kampus yang bebas dari asap rokok. Di sebelah petang, bengkel ini diteruskan dengan latihan amali permainan tenis oleh jurulatih tenis berpengalaman iaitu Encik Norman Hakimi dan Encik Surahim di mana peserta bengkel dibahagikan kepada dua kumpulan kecil.

Semoga bengkel sukan seperti ini dapat diteruskan lagi untuk mencungkil bakat di kalangan staf dan pelajar di samping menggalakkan warga UiTM Kampus Mukah lebih bergiat aktif dalam aktiviti sukan yang sihat seperti ini. Tahniat kepada Unit Sukan atas kejayaan penganjuran Bengkel Asas Sukan Tennis 1.0 serta warga UiTM Kampus Mukah yang telah memberikan komitmen untuk menghadiri bengkel ini.

Pada 20 November 2019 lalu, Jabatan Ukur Bahan UiTM Cawangan Sarawak telah menerima kunjungan dari wakil Juruukur Diraja Malaysia (RISM) Kuala Lumpur iaitu Sr Eric Khoo dan Ts Sr Nadzirah Zainordin bersama beberapa orang wakil dari RISM Sarawak iaitu Sr Mohammad Akram Mohamed Karim, Sr Sharlene Toh, dan Sr Ellinawati Yap.

Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar Diploma Ukur Bahan dan Sarjana Muda Ukur Bahan tentang kepentingan badan profesional RISM.

Antara perkara yang dikongsikan oleh pihak RISM kepada para pelajar ialah kepentingan Pertubuhan Diraja Malaysia (RISM) kepada bakal graduan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh RISM sepanjang tahun. Selain itu, para pelajar diberi taklimat mengenai proses pendaftaran untuk menjadi ahli graduate member RISM.

Program lawatan ini memenuhi matlamat university dalam mewujudkan jaringan industri antara pihak RISM dan UiTM Cawangan Sarawak.

LAWATAN JURUUKUR DIRAJA MALAYSIA KE UiTM CAWANGAN SARAWAK


Pengarang:
Syamimi Liana Amat Rais



BENGKEL ASAS TENIS

Pengarang:
Mohammad Ghazie Moheddin
Siti Faridah Kamaruddin

1.0





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PIB
PROFESSIONAL MUTAWWIF
DEVELOPMENT

NGANI MEMORANDUM PERSEFAAMAN (

ANTAR

MARA SARAWAK

ARAWAK



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

INFOKAMPUS

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak
94300 Kota Samarahan,
Sarawak,
Malaysia
+6082 677 200

ISSN: 2232-1578



9 772232 157005